

Soalan-soalan Lazim (FAQ)
Kad Kredit/-i AFFIN DUO+
(AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard)

1. Berapa banyak kad kredit/-i akan dikeluarkan kepada saya apabila saya memohon untuk Kad Kredit/-i AFFIN DUO+?

Anda akan diberikan dua (2) kad kredit/-i iaitu AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard apabila anda memohon Kad Kredit/-i AFFIN DUO+.

2. Apakah faedah-faedah AFFIN DUO+?

Anda boleh menikmati faedah-faedah berikut dengan AFFIN DUO+:

AFFIN DUO+	
AFFIN DUO+ Visa	AFFIN DUO+ Mastercard
3 tahun pengecualian yuran tahunan. Yuran tahunan untuk tahun berikutnya akan dikecualikan dengan perbelanjaan minimum 12 kali transaksi runcit setahun.	3 tahun pengecualian yuran tahunan. Yuran tahunan untuk tahun berikutnya akan dikecualikan dengan perbelanjaan minimum 12 kali transaksi runcit setahun.
Pulangan tunai 3%* untuk transaksi tanpa sentuh sehingga RM100 sebulan dengan syarat berikut: <ul style="list-style-type: none">- Sehingga RM100 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu RM8,000 dan ke atas pada penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO+ Visa- Sehingga RM50 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu bawah RM8,000 pada penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO+ Visa	3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk transaksi berikut: <ul style="list-style-type: none">• Syarikat penerbangan• e-Dagang/Dalam Talian• Bebas cukai• Hotel• Transaksi luar negara

AFFIN DUO+ Visa

3. Siapa yang layak untuk dapat pulangan tunai 3% dari Kad AFFIN DUO+ Visa?

Semua Ahli Kad Utama dan Tambahan yang melakukan transaksi tanpa sentuh (transaksi bawah RM250) menggunakan Kad AFFIN DUO+ Visa adalah layak untuk pulangan tunai. Walau bagaimanapun, Transaksi Yang Layak untuk Pulangan Tunai yang dilakukan oleh Kad Tambahan akan dimasukkan ke dalam pengiraan Transaksi Yang Layak untuk Pulangan Tunai bagi Ahli Kad Utama dan pulangan tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Utama AFFIN DUO+ Visa.

4. Apakah pulangan tunai maksimum yang boleh saya dapat dengan Kad AFFIN DUO+ Visa?

Pulangan tunai maksimum yang boleh anda dapat adalah RM100 yang dibuat dari transaksi tanpa sentuh untuk Kad Akaun dengan baki terdahulu (previous balance) RM8,000 dan ke atas pada penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO+ Visa anda.

5. Apakah yang dimaksudkan dengan baki terdahulu (*previous balance*)?

Baki terdahulu (*previous balance*) merujuk kepada baki penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO+ Visa yang dibawa ke depan dalam penyata bulanan semasa anda. Lihat “**YOUR PREVIOUS BALANCE**” (baki terdahulu) dalam penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO+ Visa anda.

6. Bagaimanakah pulangan tunai diberikan?

Pulangan tunai diberikan berdasarkan transaksi tanpa sentuh. Pulangan tunai dihadkan sehingga RM100 sebulan, tertakluk kepada baki terdahulu (*previous balance*) RM8,000 dan ke atas pada penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO+ Visa anda.

Belanja & Pulangan Tunai	Ahli Kad A	Ahli Kad B	Ahli Kad C	Ahli Kad D
Transaksi tanpa sentuh (a)	RM3,500.00	RM3,000.00	RM1,000.00	RM2,500.00
3% pulangan tunai 3% x (a)	RM105.00	RM90.00	RM30.00	RM75.00
Baki terdahulu	RM8,000.00	RM2,900.00	RM8,300.00	RM1,000.00
	RM100.00	RM50.00	RM30.00	RM0.00
Bayaran pulangan tunai	Dapat pulangan tunai maksimum RM100 berdasarkan jumlah transaksi tanpa sentuh dan mempunyai baki terdahulu sebanyak RM8,000	Dapat pulangan tunai RM50 sahaja berdasarkan jumlah transaksi tanpa sentuh kerana baki terdahulu sebanyak RM2,900	Dapat pulangan tunai RM30 sahaja berdasarkan jumlah transaksi tanpa sentuh walaupun mempunyai baki terdahulu sebanyak RM8,300	Dapat pulangan tunai RM50 berdasarkan jumlah transaksi tanpa sentuh kerana baki terdahulu sebanyak RM1,000

7. Bilakah pulangan tunai akan dikreditkan?

Pulangan tunai akan dikreditkan pada tarikh kitaran penyata kad kredit/-i AFFIN DUO+ Visa dan akan ditunjukkan dalam penyata kad kredit/-i bulan semasa Ahli Kad Utama.

Sekiranya Transaksi Yang Layak untuk Pulangan Tunai diposkan dalam hari yang sama dengan tarikh kitaran penyata kad kredit/-i, pulangan tunai untuk transaksi tersebut akan dikreditkan dalam penyata kad kredit/-i seterusnya tertakluk pada had bulanan pulangan tunai untuk penyata kad kredit/-i seterusnya.

Contoh:

Senario 1	Senario 2
<p>Tarikh Kitaran Penyata: 18 November 2023</p> <p>Ahli Kad membelanjakan RM100 di Pasaraya Jaya pada 15 November 2023 dan transaksi tanpa sentuh tersebut diposkan dalam sistem kad pada 16 November 2023.</p> <p>Pulangan tunai RM3 akan dikreditkan dan ditunjukkan dalam penyata kad kredit/-i bulan semasa Ahli Kad bertarikh 18 November 2023.</p>	<p>Tarikh Kitaran Penyata: 18 November 2023</p> <p>Ahli Kad membelanjakan RM100 di Pasaraya Jaya pada 15 November 2023 dan transaksi tanpa sentuh tersebut diposkan dalam sistem kad pada 18 November 2023.</p> <p>Pulangan tunai RM3 akan dikreditkan dan ditunjukkan dalam penyata kad kredit/-i bulan hadapan Ahli Kad bertarikh 18 Disember 2023.</p>

8. Apakah transaksi tanpa sentuh?

Transaksi tanpa sentuh adalah transaksi yang dibuat dengan menyentuh/merapatkan Kad AFFIN DUO+ Visa di hadapan Pembaca Tanpa Sentuh tanpa perlu memasukkan atau meleretkan kad anda apabila anda melihat simbol tanpa sentuh universal.

9. Adakah transaksi tanpa sentuh selamat?

Ya, tanpa sentuh ini dilindungi oleh Pedagang “3D Secure” dan anda hanya dibenarkan untuk melakukan pembelian tanpa sentuh sehingga RM250 bagi setiap transaksi.

10. Mengapakah transaksi tanpa sentuh saya tidak diluluskan walaupun saya mempunyai had kredit/kemudahan yang mencukupi?

Kad AFFIN DUO+ Visa anda mempunyai pelbagai ciri keselamatan untuk memastikan anda sentiasa dilindungi. Pada jarak penggunaan tanpa sentuh tertentu, anda dikehendaki untuk memasukkan PIN untuk memastikan kad tersebut berada dengan anda.

11. Saya adalah ahli kad AFFIN Visa Signature sedia ada. Adakah saya akan diberikan kad AFFIN DUO+ Visa apabila saya memohon kad AFFIN DUO+?

Sebagai ahli kad AFFIN Visa Signature sedia ada, anda hanya diberikan AFFIN DUO+ Mastercard apabila anda memohon untuk kad AFFIN DUO+. Kad AFFIN Visa Signature anda yang sedia ada akan ditandakan sebagai AFFIN DUO+ dan anda akan menikmati pengecualian yuran tahunan selama tiga (3) tahun. Kad AFFIN Visa Signature sedia ada anda akan digantikan dengan AFFIN Visa DUO+ pada tarikh pembaharuan kad AFFIN Visa Signature.

Sekiranya, anda sedang memegang kedua-dua AFFIN Visa Signature dan AFFIN DUO+ Visa, kad AFFIN Visa Signature anda akan dibatalkan dengan pemberitahuan awal dari pihak AFFIN. Sebarang baki tertunggak pada kad akan dipindahkan ke AFFIN Visa DUO+ anda.

12. Saya adalah ahli kad AFFIN Visa Signature sedia ada, dan kad saya akan tamat tempoh tidak lama lagi, apakah yang akan berlaku kepada kad saya?

Anda akan diberikan dua (2) kad kredit/-i yang dikeluarkan bersama iaitu AFFIN DUO+, yang terdiri daripada AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard untuk mana-mana pembaharuan kad AFFIN Visa Signature.

AFFIN DUO+ Mastercard**13. Bagaimanakah saya boleh menerima Mata *AFFIN Rewards* dengan AFFIN DUO+ Mastercard?**

Anda boleh dapatkan 3X Mata *AFFIN Rewards* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat untuk transaksi berikut:

- Syarikat penerbangan
- e-Dagang/dalam talian
- Bebas cukai
- Hotel
- Transaksi luar negara

14. Adakah terdapat had Mata *AFFIN Rewards* yang boleh saya dapat dengan Kad AFFIN DUO+ Mastercard?

Tidak ada had mata ganjaran yang boleh anda dapat dengan Kad AFFIN DUO+ Mastercard. Semakin banyak anda berbelanja untuk transaksi di syarikat penerbangan, e-Dagang/dalam talian, bebas cukai, hotel dan transaksi luar negara dengan Kad AFFIN DUO+ Mastercard, semakin banyak Mata *AFFIN Rewards* yang boleh anda perolehi.

15. Adakah terdapat tempoh luput untuk Mata *AFFIN Rewards*?

Ya, Mata *AFFIN Rewards* akan luput selepas 3 tahun (36 bulan) dari tarikh mata ganjaran dikeluarkan.

16. Bagaimana saya boleh memeriksa Mata *AFFIN Rewards* saya?

Anda boleh merujuk penyata bulanan kad kredit/-i anda atau menyemak baki semasa anda secara dalam talian di <https://rewards.affinbank.com.my>

17. Apa yang saya boleh lakukan dengan Mata *AFFIN Rewards* saya?

Anda boleh menebus barang, baucar dan/atau mata ganjaran penerbangan dengan Mata *AFFIN Rewards* di <https://rewards.affinbank.com.my>